



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
Bahagian Kawalan Racun Perosak
Tingkat 4 - 6, Wisma Tani
Jalan Sultan Salahuddin
50632 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel: 603-2030 1400
Faks: 603-2691 7551
Laman Web: www.doa.gov.my

Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2 Jld VI (67)

Tarikh : 6 Oktober 2017

KEPADA YANG BERKENAAN

**SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK
BILANGAN 3 TAHUN 2017**

**AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974
PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2017**

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Syarikat Pendaftar tentang Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama) 2017 yang telah diwartakan pada 20 Februari 2017.

Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab

SP.LRMP.Bil.3/2017



M/s 1 da 2



*Rakyat Dihidangkan
Pencapaian Dihormati*


PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2017

2. Akta Racun Makhluk Perosak 1974, Jadual Pertama (Seksyen 2), Senarai Racun Makhluk Perosak telah dipinda dengan menggantikan Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama) 2011 kepada Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama) 2017.
3. Pindaan ini melibatkan kemasukkan sebanyak 266 perawis aktif baru dalam Jadual Pertama. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa semua keperluan pendaftaran racun makhluk perosak perlu dipatuhi oleh Syarikat Pendaftar sebelum mengimport, mengkilang atau menjual racun makhluk perosak yang disenaraikan dalam Jadual Pertama.
4. Bagi perawis aktif yang baru dimasukkan dalam Jadual Pertama, sekiranya dijual dalam pasaran, syarikat diminta untuk mengemukakan permohonan untuk mendaftar produk berkenaan dengan kadar yang segera. Syarikat diberi tempoh sehingga 30 April 2018 untuk menghabiskan stok yang masih ada dipasaran sementara menunggu kelulusan pendaftaran daripada pihak Lembaga.
5. Perintah Racun Makhluk Perosak (Pindaan Jadual Pertama) 2017 boleh didapati dari Portal E-Warta Persekutuan pada No.P.U. [P.U. (A) 56/2017] di laman sesawang <http://www.federalgazette.agc.gov.my> atau pembelian daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD FAUZAN YUNUS)

Setiausaha
Lembaga Racun Makhluk Perosak